

KAHWIN SESUKU DAN BERKADIM DALAM ADAT
PERPATIH

Oleh :

NORHALIM HJ. IBRAHIM

KAHWIN SESUKU DAN BERKADIM DALAM ADAT PERPATIH¹

Oleh:

Norhalim Hj. Ibrahim

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga

Universiti Pertanian Malaysia

Serdang, Selangor Darul Ehsan

Pendahuluan

1. Masyarakat bersuku-suku Adat Perpatih

Masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan dan Naning, Melaka terbahagi kepada kelompok-kelompok tertentu yang disebut *suku*. Orang yang menjadi ahli sesuatu suku itu menganggap diri mereka sebagai mempunyai hubungan adik-beradik. Mereka percaya bahawa mereka berketurunan daripada seorang nenek moyang perempuan yang sama. Oleh sebab itu, dan sesuai dengan prinsip sistem seisi nasab ibu, suku seseorang ahli masyarakat Adat Perpatih adalah berdasarkan suku ibunya.

Setiap suku itu boleh dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil yang disebut *perut*. Bilangan perut dalam sesuatu suku tidak tentu, bergantung kepada jumlah ahli suku yang berkenaan. Perut pula boleh dipecahkan kepada kelompok kecil, iaitu *ruang*. Seperti perut bilangan ruang di dalam sesebuah perut juga berbeza. Kelompok yang kecil, selalunya terdiri daripada kelompok keluarga luas dan pecahan kepada ruang disebut *rumpun*. Bilangan rumpun di dalam sesebuah ruang juga berbeza-beza.

¹ Satu kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Adat Perpatih*, di Allson Klana Resort, Seremban pada 13 Julai 1996.

2. Perkahwinan dalam lingkaran hidup

Lingkaran hidup seseorang boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat tertentu. Peringkat-peringkat ini adalah masa bayi, mas kanak-kanak, masa remaja, masa dewasa dan masa tua. Dalam kebanyakan masyarakat masa peralihan dari satu peringkat ke peringkat yang lain dianggap sebagai masa-masa yang krisis. Dalam lingkaran hidup seseorang individu itu akan mengalami beberapa krisis hidup yang kritikal. Oleh itu, untuk menyediakan dan memaklumkan kepada masyarakat umum akan perubahan tahap hidup ini, upacara-upacara inisiasi yang diistilahkan sebagai *upacara krisis* (crisis rites) atau *upacara peralihan* (rites de passage) harus dijalankan. Antara krisis hidup yang kritikal ialah kelahiran, perkahwinan dan kematian.

Kelahiran adalah bentuk krisis kritikal yang dialami oleh individu pada ketika permulaan hidupnya, dan kematian ialah krisis kritikal yang terakhir dialami semasa hidupnya. Sedangkan perkahwinan pula adalah suatu pengiktirafan yang membolehkan seseorang itu mencapai kedudukan sebagai dewasa yang diakui sah serta diiktiraf oleh masyarakatnya.

3. Institusi perkahwinan

Setiap masyarakat mempunyai institusi perkahwinan atau adat semenda menyemenda yang khusus untuknya. Perkahwinan, sebagai satu institusi yang penting mempunyai aturan dan pantang larang tertentu dan khusus, dari awal hingga ke akhir yang perlu dipatuhi. Antara aturan-aturan yang telah dilembagakan, dua peringkat harus dilalui iaitu proses *pemilihan jodoh* dan *adat istiadat perkahwinan*.

Peringkat pemilihan jodoh ini adalah proses terawal dan penting. Pada peringkat inilah ditentukan siapa bakal jodoh seseorang itu. Jodoh itu harus dipilih berdasarkan aturan tertentu pula sama ada individu (wanita atau lelaki) itu boleh dikahwini ataupun tidak. Setelah ditentukan baharulah dijalankan aturan dan adat istiadat yang lain, berikutnya dan diakhiri dengan upacara adat istiadat berkahwin

4. Anak dalam keluarga dan kekeluargaan

Selepas berumahtangga setiap pasangan, baik dahulu mahupun sekarang menginginkan anak atau anak-anak. Dengan adanya anak maka barulah sesuatu keluarga itu dikatakan lengkap. Anak adalah penting kerana itu adalah penyambung zuriat dan pewaris budaya sama ada material atau bukan material pasangan berkenaan.

Jenis jantina anak diperlukan untuk menyambung zuriat dan budaya keluarga bergantung kepada sistem kekeluargaan yang diamalkan oleh masyarakat di mana keluarga berkenaan hidup. Masyarakat yang mengamalkan sistem keturunan dua sisi tidak menentukan jantina anak yang dilahirkan. Bagi mereka sama ada anak itu lelaki ataupun perempuan sama sahaja. Kedua-dua jantina atau salah satu daripadanya, lelaki atau perempuan boleh meneruskan zuriat dan budaya keluarga serta masyarakatnya. Masyarakat yang mengamalkan sistem sesisi (unilineal) juga memerlukan anak tetapi lebih menekankan kepada satu jenis jantina sahaja berdasarkan sama ada ianya mengamalkan bentuk sistem sesisi nasab bapa (patrilineal) atau nasab ibu (matrilineal). Jika mereka mengamalkan sistem nasab bapa maka jantina anak yang diharapkan ialah lelaki. Sebaliknya, jika mereka mengamalkan sistem nasab ibu maka anak perempuanlah yang diharapkan.

Masyarakat Adat Perpatih adalah masyarakat yang mengamalkan sistem nasab ibu. Berikutan dengan itu, pasangan dalam masyarakat ini sering mengharapka anak perempuan. Dalam masyarakat ini anak perempuan adalah penting kerana ia merupakan penyambung keturunan atau salasilah sesebuah keluarga, lantasnya sesebuah rumpun, ruang, perut dan suku. Apabila sesuatu pasangan itu hanya memperolehi anak lelaki sahaja maka masyarakat dan adat menganggap keluarga berkenaan sebagai telah pupus atau musnah, yakni tiada lagi keturunannya yang akan menyandang pusaka kelompok sukunya.

Pada zaman dahulu masalah seperti ini diatasi dengan mengambil anak angkat perempuan. Tetapi mengambil anak angkat sahaja tidak menyelesaikan masalah. Anak angkat masih tidak berhak untuk mewarisi pusaka keluarga dan suku. Keahlian sesuatu suku tidak diperolehi oleh anak angkat secara automatik. Hanya anak daripada titisan darah atau dilahirkan oleh wanita ahli sesuatu suku sahaja yang berhak menganggotai suku ibunya. Justeru itu, seorang anak angkat, untuk menganggotai suku ibu angkatnya haruslah melalui proses *masuk suku* yang dikenali *sebagai adat istiadat berkadim*.

Kahwin Sesuku dalam Adat Perpatih

1. Hutang ibu bapa

Dalam masyarakat Adat Perpatih perkahwinan merupakan ‘hutang’ terakhir yang harus diselesaikan oleh ibu dan bapa serta kelompok keluarganya, seperti dibilangkan:

Hutang atas lima perkara:

Pertama kerat pusat,

Kedua upah bidan,

Ketiga sunat Rasul,

Keempat khatam mengaji, rindak daing

Kelima nikah kahwin.

2. Norma perkahwinan Adat Perpatih

Perkahwinan dalam masyarakat Adat Perpatih adalah dilihat bukan sahaja sebagai hubungan antara dua orang individu yang berlainan jantina atau dua buah keluarga tetapi lebih luas daripada itu, yakni antara dua kelompok kekeluargaan yang berlainan, mulai dari kelompok rumpun hingga kelompok suku. Oleh sebab demikian, kehendak masyarakat dan budaya maka Adat Perpatih telah mengatitkan aturan-aturan dasar tertentu bagi pengamalannya dalam menegakkan institusi rumahtangga dikalangan mereka. Dengan kata lain, perkahwinan yang digalakkan oleh masyarakat Adat Perpatih adalah

antara dua orang yang berlainan kelompok kekeluargaan suku, *lain suku lain waris* dan dikatakan sebagai:

Labu ke kundur

Kundur ke labu

Orang ke orang

Adat perkahwinan masyarakat Adat Perpatih mempunyai norma-norma perspektif dan preferential. Norma perspektif dasar sistem ini ialah eksogami yakni seorang lelaki tidak boleh menikah dengan seorang perempuan daripada sukunya sendiri. Dengan kata-kata lain Adat Perpatih melarang anggotanya berkahwin sesuku atau indogami. Ini adalah kerana masyarakat Adat Perpatih menganggap mereka daripada suku yang sama sebagai adik beradik kandung.

Norma perkahwinan preferential atau yang digalakkan adalah untuk melakukan perkahwinan silang pupu iaitu dengan anak gadis abang atau adik lelaki ibu sendiri dan dengan anak gadis kakak atau adik perempuan kepada ayah. Namun, oleh sebab bidang ini tidak berkaitan dengan tema kertas kerja ini maka aspek perkahwinan yang digalakkan oleh masyarakat Adat Perpatih ini tidak akan dibincangkan.

3. Prinsip eksogami atau larang kahwin sesuku

Prinsip perkahwinan eksogami ini adalah dianggap oleh masyarakat Adat Perpatih sebagai *mores* yang bermaksud melanggar kehendak alam, yang pelanggaranya mendapat tentangan dan dikenakan hukuman berat. Justeru itu prinsip eksogami meletakkan perkahwinan anggota-anggota sesama suku, perut, ruang dan rumpun sebagai *sumbang* (incest).

Berdasarkan konsep ini tiap-tiap anggota suku adalah sentiasa bergantung kepada anggota suku lain bagi jodoh mereka. Dengan itu dalam tiap-tiap kelompok dalam suku terutama kelompok rumahtangga akan terdapat anggota-anggota daripada suku lain. Dari

segi perkahwinan, anggota-anggota masyarakat adalah digolongkan kepada golongan yang menerima dan golongan yang datang berkahwin. Golongan yang menerima dinamakan *tempat semenda* dan tiap-tiap anggota golongan itu dipanggil *orang tempat semenda*. Sebaliknya orang yang datang berkahwin ke dalam golongan tempat semenda dinamakan *orang semenda* dan golongan mereka dipanggil *orang seresam* atau *sebelah*. Hubungan persemendaan ini adalah merupakan perhubungan antara kelompok-kelompok eksogami melalui perkahwinan antara seorang anggota lelaki satu kelompok itu dengan seorang anggota perempuan kelompok lain.

4. Sebab-sebab dilarang kahwinan sesuku

Ada berbagai-bagai sebab mengapa diadakan larang kahwin sesuku (indogami). Antara lain ialah:

1. Mereka mengandaikan bahawa orang-orang sama suku itu sebagai adik beradik. Ini adalah kerana dipercayai bahawa anggota setiap suku itu berasal daripada seorang nenek moyang (perempuan) yang mulanya membentuk keluarga, kemudian rumpun dan melalui masa mewujudkan suku. Justeru itu, untuk menambah bilangan ahli kelompok kekeluargaan bukan sahaja orang tempat semenda tetapi juga orang semenda maka diharuskan untuk mencari jodoh atau berkahwin di luar suku. Melalui proses eksogami ini, bilangan ahli yang merupakan aset ekonomi, politik dan sosial sesuatu suku itu bertambah.
2. Larangan perkahwinan bentuk ini adalah bagi mengekalkan dan melanjutkan perhubungan persaudaraan dalam suku dan secara tidak langsung memperkukuh lagi moral masyarakat adat. Dengan cara ini, maka anggota lelaki akan memandang dan menganggap anggota perempuan yang sesuku dengannya sama ada sebagai emak atau ibu, kakak, adik dan/atau anak yang perlu dan patut dihormati, dijaga dan dilindungi serta disayangi.

3. Perkahwinan luar suku juga mengeratkan lagi perhubungan dan menggabungkan suku-suku tersebut dalam satu kombinasi kekeluargaan yang diistilahkan sebagai semenda dan tempat semenda. Si suami sebagai pihak mendatang (konsep tempat tinggal selepas perkahwinan dalam masyarakat ini adalah *matrilokal* atau *oksorilokal*) digelar orang semenda dan pihak menanti (si isteri dan kaum keluarga sukunya) bergelar tempat semenda dan begitu sebaliknya si isteri daripada pandangan kaum keluarga sesuku si suami. Oleh sebab orang semenda dalam sesuatu suku (mungkin juga dalam serumah) dating daripada beberapa suku, maka dengan sendirinya wujud hubungan antara suku. Tegasnya sistem perkahwinan atau semenda menyemenda dalam masyarakat adat ini mematerikan satu jalinan sosial yang menyeluruh dan membantu menyempurnakan rasa kekitaan (*esprit de corps*) di kalangan anggota masyarakat adat.
4. Larangan perkahwinan sesuku ini juga dapat mengawal perbuatan sumbang atau terlarang antara lelaki dan perempuan terutama di kalangan anggota sesuku. Di samping itu, oleh sebab perkahwinan adalah eksogami yang memulakan jalinan kekeluargaan, maka kuasa konsep saudara itu tidak lagi terhad kepada sukunya sendiri (sebagai orang tempat semenda) tetapi juga suku-suku abang atau adik atau kakak ipar (orang semenda). Sebagai saudara, maka secara automatik hukum bersaudara (*adat bersaudara, saudara dipertahankan*) berkuat kuasa.
5. Kepercayaan yang menyatakan kecerdasan dan kesihatan (fizikal dan mental) daripada orang yang kahwin adik-beradik itu akan merosot. Ini bermakna dari segi biologi, kebanyakan ahli generasi akan dating menjadi cacat atau tidak normal.
6. Mereka takut melanggar persumpahan antara nenek moyang kelompok suku supaya berkahwin keluar dari suku sendiri atas sebab-sebab tertentu. Persumpahan masih dihormati dan diingati terutama dalam istiadat berkadim.

7. Mereka juga berkahwin luar suku kerana survival suku itu sendiri. Ini bermaksud kesinambungan sesebuah suku bergantung kepada suku lain kerana ada kemungkinan ahli wanita sesebuah suku itu melebihi anggota lelaki atau sebaliknya. Dengan itu, bakal pasangan seseorang anggota sesebuah suku itu harus didatangkan dari luar sukunya.

Dengan demikian, mereka telah menginstitusikan bahawa berkahwin antara anggota sesama suku adalah dilarang. Jika dilakukan juga maka perkahwinan itu dianggap sebagai *sumbang*.

5. Sumbang atau larangan dalam perkahwinan

Dalam masyarakat Adat Perpatih, selain larangan perkahwinan menurut hukum syarak, terdapat juga larangan menurut adat. Adat melarang perkahwinan sesuku dan sewaris yang dikatakan sebagai:

Dihambat dek syarak,
Digalang dek adat.

Secara keseluruhan sumbang atau larangan adat ini diistilahkan sebagai *sumbang balai melintang*. Sumbang ini dapat dipecahkan kepada dua jenis mengikut tahap kesalahannya, iaitu *sumbang sewaris* dan *sumbang sekadim*.

Seandainya berlaku juga perkahwinan sumbang ini, pasangan berkenaan dikenakan *hukum kahar*. Pada pandangan masyarakat adat, orang yang melakukan sumbang ini adalah ibarat haiwan dan tidak layak wujud dalam masyarakat. Mereka dipulaukan dan disisihkan daripada segenap sudut kehidupan seharian masyarakat.

6. Sumbang sewaris

Sumbang sewaris bererti berkahwin sesama suku. Jika sumbang ini dilakukan maka pasangan berkenaan akan dihalau oleh ahli-ahli sukunya. Mereka tidak lagi dibenarkan duduk di dalam kawasan sukunya dan tidak pula diterima oleh suku-suku lain di wilayah atau luak berkenaan. Tegasnya, mereka dihalau dari kawasan luak. Pada zaman dahulu, tempat duduk mereka pun akan dibasuh.

Lelaki yang melakukan kesalahan ini tidak dibenarkan menjunjung *saka* atau jawatan pusaka suku. Seandainya semasa melakukan kesalahan itu dia sedang menjunjung pusaka, maka pusakanya itu luruh dengan sendirinya. Pada perempuan pula segala harta suku yang ada padanya akan luruh, yakni dia tidak ada hak lagi memiliki sebarang harta pusaka sukunya. Masyarakat adat memandang hina pasangan tersebut dan tidak boleh menjadi anggota masyarakat. Mereka ini diperbilangkan sebagai:

Laksana buah beluluk
Tercampak ke laut tidak dimakan ikan
Tercampak ke darat tidak dimakan ayam.

Walau bagaimanapun adat membolehkan pasangan itu balik ke tempat asalnya (ke sukunya) setelah melaksanakan syarat-syarat tertentu. Perbuatan ini dikatakan sebagai *masuk adat* sesuai dengan kata perbilangan : “Sesat hujung jalan balik ke pangkal jalan”. Untuk tujuan ini beberapa syarat harus dipenuhi terlebih dahulu.

Di setengah wilayah Adat Perpatih, yang bersalah hanya boleh masuk adat selepas berlaku perceraian atau kematian salah seorang daripada pasangan itu. Bagaimanapun penerimaan mereka kembali ke pangkuan masyarakat sukunya bergantung kepada keizinan anggota kelompok kekerabatannya, dan direstui pula oleh pemimpin-pemimpin adat yang berkenaan. Apabila ada persetujuan, selepas *berkampung* dan *bermuafakat* barulah yang berkenaan dibolehkan memenuhi syarat-syarat tersebut.

Antara syarat yang harus dipenuhi adalah membayar 50 (lima puluh) gantang beras, wang tunai berjumlah RM14.00 dan mengadakan seekor kerbau atau lembu. Beras dan kerbau atau lembu itu haruslah digunakan untuk mengadakan majlis kenduri. Dalam kenduri itu ketua-ketua adat – lembaga, buapak dan besar – mesti dijemput dengan penuh adat istiadat, di samping menjemput keseluruhan ahli suku dan orang semenda sukunya. Perjalanan majlis kenduri itu akan diawasi oleh Datuk Lembaga suku yang berkenaan agar tidak berlaku *cacat* yang boleh membatalkan majlis masuk adat itu.

Tujuan utama mengadakan kenduri itu adalah untuk mendamaikan pihak berkenaan dengan seluruh anggota suku masyarakat setempat:

Menjernihkan yang keruh,
Menyelesaikan yang kusut.

Dalam majlis tersebut pasangan (atau salah seorang, jika telah berlaku perceraian mati) akan mengisytiharkan kesalahan yang telah mereka lakukan. Selanjutnya mereka akan membayangkan keinginan untuk kembali ke pangkuan suku serta bergabung semula dalam ikatan keluarga seperti mana dahulu. Selepas mengakui kesalahan dan meminta maaf kepada orang ramai mereka harus pula *menyembah* semua anggota suku yang hadir untuk memohon maaf.

Dengan adanya kenduri ini, maka terhebahlah kepada masyarakat sesuku dan seluak yang pasangan berkenaan telah surut ke pangkal jalan, serta mengakui di samping menebus kesalahannya. Pendeknya, majlis ini adalah satu cara untuk memohon maaf secara terbuka.

Apabila selesai istiadat itu pasangan itu akan balik ke tempat asalnya dan diberi kedudukan seperti sebelum berlakunya kesilapan tersebut.

Apa yang harus diambil perhatian di sini ialah cara masyarakat menerima kembali pasangan yang melakukan sumbang itu dan juga syarat-syarat yang dikenakan mungkin berbeza daripada satu luak ke satu luak adat yang lain.

7. Sumbang sekadim

Sumbang sekadim adalah melakukan perkahwinan dengan ahli seperut. Jika dibandingkan dengan sumbang akibat berkahwin sesuku, sumbang kategori ini merupakan kesalahan yang besar dalam Adat Perpatih. Hukumannya ialah segala harta benda pasangan itu dirampas. Di sesetengah tempat pada zaman dahulu, mereka dikenakan hukuman bunuh. Pernah berlaku di Pulau Sebang, Naning anggota Suku Seri Melenggang (Semelenggang) melakukan sumbang jenis ini. Pasangan tersebut telah ditangkap dan dimasukkan ke dalam bakul dan dibenamkan ke dalam sungai. Mereka telah mati lemas dan kubur mereka dikenali sebagai *Jerat Sumbang*.

Kepada ahli masyarakat Adat Perpatih kedudukan mereka yang melakukan sumbang jenis ini ialah:

Hidup tidak terpelihara,
Mati tak ditanam,
Harta diambil,
Tuan dibunuh.

Atau diperbilangkan juga sebagai:

Ke laut tumpah karam,
Ke darat sial terbakar.

Berkadim

1. Kadimkan Negeri atau Wilayah

Sebagai dinyatakan di atas tadi, berkadim bererti mengambil anak angkat. Dari segi sejarah, pengertian berkadim ini tidak terhad kepada manusia sahaja tetapi meliputi wilayah atau negeri. Pada sekitar tahun 1799/1800, Kerajaan Rembau telah mengkadimkan orang-orang Bugis di Linggi tersebut telah pula dikadimkan oleh Kerajaan Sungai Ujung. Akibat pengkadiman kedua-dua buah kerajaan ini maka timbul perbilangan mengenai status wilayah Linggi itu sebagai:

Beremak ke Rembau,
Berbapa ke Semujung (Sungai Ujung).

2. Kadimkan Anak

Pada pengertian umum, berkadim bermaksud menjadikan seseorang itu sebagai anak angkat. Dalam pengertian adat, berkadim bermaksud lebih daripada itu. Ia membawa erti *mengiktiraf* anak angkat (selalunya tetapi tidak semestinya anak perempuan) menjadi anggota sesebuah suku, perut, ruang dan rumpun perempuan (ibu) yang mengambilnya. Anak atau individu yang dikadimkan itu pula akan menerima dan memberi hak dan tanggungjawab yang sama seperti anggota suku (yang mengkadimkannya) yang lain.

3. Anak angkat dan proses anak angkat

Proses *angkat* ialah pengambilan anak kecil oleh seseorang atau sepasang suami isteri yang tidak beranak ataupun yang hanya mempunyai anak lelaki sahaja. Biasanya anak yang diangkat atau diambil ialah anak perempuan kerana sistem keturunan nasab ibu memerlukan anak perempuan bagi mewarisi harta pusaka seperti tanah. Oleh itu bagi keluarga yang tidak mempunyai anak perempuan maka keperluan mendapatkan anak

perempuan itu amat besar sekali bukan sahaja bagi mewarisi harta bahkan bagi menyambung zuriat atau keturunan ibu.

Biasanya anak perempuan yang diambil keutamaan adalah anak adik-beradik perempuan (ibu) itu sendiri, dan keduanya anak-anak kerabat sanak- ibu dan ketiga daripada kalangan lain seperti kerabat di luar sanak – ibu dan orang bukan keturunan Melayu seperti keturunan Cina.

Pengambilan anak angkat daripada kaum keluarga sanak – ibu tidak menimbulkan masalah dari segi keahlian suku kerana anak tersebut telah pun menganggotai suku yang sama dengan ibu yang mengangkatnya. Masalah keahlian ini akan timbul jika anak itu daripada keluarga sanak – bapa kerana suku (iaitu suku *ibu biologi*) anak tersebut sama dengan suku ibu angkatnya (ibu sosial). Keadaan yang serupa juga akan terjadi jika mengambil anak orang bukan keturunan Melayu.

4. Menerima anak angkat

Satu lagi cara mendapatkan anak angkat ialah dengan menerima anak angkat. Keadaan ini terutama dilakukan oleh orang-orang yang datang dari luar sesebuah kampung atau wilayah Adat Perpatih dan tinggal di situ. Ada dua golongan orang yang dating seperti ini. Pertama ialah orang-orang yang berasal dari luar daerah Adat Perpatih. Kedua ialah orang yang datang dari kawasan Adat Perpatih tetapi mungkin berlainan kampung atau wilayah. Dalam kedua-dua golongan ini termasuk juga pengamal Adat Perpatih dari kawasan kampung lain atau luak lain tetapi jauh serta orang luar wilayah Adat Perpatih yang ingin berkahwin dengan gadis adat. Untuk mendapat perlindungan sesuatu suku maka anak atau individu berkenaan harus melakukan upacara berkadim.

5. Proses berkadim

Proses berkadim dalam masyarakat Adat Perpatih adalah penting kerana hanya dengan melalui proses ini sahaja seorang yang diangkat menjadi anak angkat atau yang mengaku menjadi anak angkat disahkan menjadi anak angkat dan mempunyai hak dan tanggungjawab yang berkaitan dengan keanggotaan satu-satu suku dan juga menjadi anak kepada seseorang ibu.

Proses berkadim itu dijalankan menurut aturan dan istiadat sebagai tanda penerimaan oleh sesebuah suku di mana perut, ruang dan rumpun serta keluarga itu menjadi anggota. Soal penerimaan itu adalah penting dari segi hak dan tanggungjawab dalam suku. Jadi pengkadiman yang sah dari segi masyarakat adalah penting.

Adat berkadim ini, jika dilihat dari segi kuasa, hak dan tanggungjawab yang diberikan atau diperolehi oleh anak atau individu yang dikadimkan itu, dapat dipecahkan kepada dua jenis iaitu *kadim adat dan pusaka* dan *kadim (pada) adat*.

6. Kadim adat dan pusaka

Pengkadiman jenis ini dianggap sebagai bentuk pengkadiman penuh. Anak perempuan yang dikadimkan dan keturunannya diberi hak, kuasa dan tanggungjawab penuh sama seperti ahli-ahli suku yang lahir (ahli secara biologi) dalam suku tersebut. Melalui pengkadiman jenis ini tidak ada perbezaan antara kedua-dua pihak iaitu anak yang dikadimkan, termasuk keturunannya dan keluarga atau suku yang menerimanya dalam perwarisan pusaka suku. Tetapi jika anak yang dikadimkan itu anak lelaki maka hak, kuasa dan tanggungjawab lupus bersamanya kerana perwarisan pusaka dan saka mengikut keturunan perempuan.

7. Kadim (pada) adat

Kadim jenis ini adalah pengkadiman yang tidak penuh. Individu yang dikadimkan tidak dijadikan ahli atau anggota tulen. Keturunan perempuannya tidak berhak mewarisi harta pusaka suku yang menerimanya. Keturunan pihak lelaki juga tidak berhak menyandang saka atau jawatan pusaka suku. Namun, dari segi perlindungan dan aspek-aspek lain kehidupan seharian pihak suku yang mengambilnya akan memberikan kepadanya tanpa berbelah bagi.

Individu yang dikadimkan secara adat ini masih mempunyai hak-hak dan obligasi-obligasi tertentu yang berkait dengan perempuan (keluarga) yang mengambilnya sebagai anak angkat. Sebagai anak angkat beliau diberi hak atas harta-harta yang *diakukan* atau diwariskan dan diserahkan kepadanya oleh 'ibu'nya semasa ibu itu masih hidup. Harta yang diberikan ini selalunya bukan harta pusaka suku tetapi harta yang baharu dibeli seperti sebidang tanah kampung (mungkin di atasnya telah sedia didirikan sebuah rumah) dan sebidang sawah. Pemberian ini adalah sebagai tanda wujudnya perhubungan ibu-anak atas adanya upacara kadim adat tadi.

8. Upacara atau adat istiadat berkadim

Adat istiadat berkadim ini harus melalui beberapa peringkat tertentu. Peringkat-peringkat bagi berkadim jenis kadim adat adalah seperti berikut:

1. Kenduri dengan menyembelih binatang ternakan selalunya kambing dan ayam. Kenduri ini harus dihadiri oleh kesemua ahli kelompok kekeluargaan perempuan yang menjalankan istiadat itu. Kambing harus disembelih dalam kenduri ini kerana ia adalah satu keperluan adat apabila ketua-ketua adat (Datuk Lembaga dan yang lainnya) hadir bersama dalam majlis itu.

2. Emas atau duit adat seperti yang ditetapkan oleh adat untuk dibahagikan kepada ketua adat dan anak-anak buah dalam waris suku yang mengadakan adat istiadat tersebut dan kepada datuk-datuk lembaga suku lain.
3. Merenjis air limau (dan tepung tawar) kepada yang berkadim.
4. Mengangkat sumpah taatkan bersaudara kepada emak, bapa, saudara angkat dan kepada waris angkat kepada waris suku.

Bagi kadim adat dan pusaka peringkat-peringkat yang disenaraikan di dalam ditambah dengan satu lagi istiadat iaitu:

5. *Istiadat mencecah darah.* Dalam upacara ini kedua-dua belah pihak akan mencecah jari-jari masing-masing ke dalam darah kambing yang disembelih untuk kenduri itu. Peristiwa ini haruslah disaksikan oleh kesemua ahli kelompok kekeluargaan perempuan yang menjalankan adat istiadat itu.
6. Semasa mencecah darah itu, di samping mengangkat sumpah seperti yang dilakukan dalam upacara kadim adat yang dinyatakan di atas (8.4), mereka juga mengisytiharkan bahawa mulai ketika itu perhubungan antara anak angkat dengan ibu angkat serta anggota sesuku dengan ibu angkat itu adalah *seuri setemuni*.

Dengan berlangsungnya dua upacara ini maka adat telah menukar status anak tersebut daripada status anak sosial kepada status anak biologi bagi ibu berkenaan.

Penutup

Pemerihalan berkenaan dengan 'kahwin sesuku dan berkadim' dalam masyarakat Adat Perpatih dalam kertas kerja ini adalah berdasarkan situasi tradisional dan ideal. Hari ini keadaan dan komposisi masyarakat Adat Perpatih telah berubah. Bilangan ahli dalam suku tidak lagi seperti keadaan di zaman tradisional. Masyarakat Adat Perpatih hari ini bukan lagi masyarakat petani sara diri tetapi adalah masyarakat yang terlibat dalam kemajuan perindustrian dan mengamalkan sistem ekonomi kapitalis. Keseluruhan sistem hidup masyarakat ini bukan lagi bersifat komunal yang berdasarkan aktiviti sehariannya kepada sikap kasih sayang, bekerjasama dan bersefahaman tetapi telah diresapi oleh nilai-nilai baru yang dicirikan oleh sikap individualistic, mementingkan diri sendiri dan materialistik. Pandangan hidup hampir keseluruhan masyarakat Adat Perpatih hari ini adalah pandangan hidup ala masyarakat dan budaya barat.

Oleh yang demikian, maka norma-norma dan aspek-aspek tertentu dalam aturan hidup masyarakat adat ini telah berubah atau disesuaikan dengan keadaan sekitar dan peralihan masa. Ini termasuklah aspek-aspek seperti kahwin sesuku. Larangan dan pantangan terhadap perkahwinan bentuk ini tidak lagi diperindah kan sangat oleh masyarakat umum. Hanya beberapa suara sahaja yang masih terdengar merungut mengenainya. Bilangan mereka yang bersuara sedemikian pun semakin hari semakin merosot.

Satu perkara yang harus diambil perhatian mengenai kahwin sesuku ini ialah bilangannya. Sejauh yang dapat dipastikan bilangan pengamal Adat Perpatih, sejak zaman dahulu yang melakukan kahwin sesuku ini adalah sangat sedikit, malahan tidak signifikan dan tidak mencatatkan masyarakat jika pun ianya terjadi. Masyarakat adat hari ini adalah masyarakat terbuka dengan maksud ramai ahli adat telah mencari dan berkahwin dengan pasangan (lelaki atau perempuan) yang dating dari luar wilayah Adat Perpatih. Justeru itu ramai ahli masyarakat yang menetap dan berketurunan daripada orang beradat tidak lagi mempunyai suku. Ini adalah hasil daripada kahwin campur.

Berkaitan dengan adat berkadim, institusi ini boleh dikatakan hanya tinggal nama sahaja. Hampir kesemua ahli masyarakat yang tinggal di wilayah Adat Perpatih tidak jelas dan lantaran itu tidak mengamalkannya lagi. Apa perlu lagi berkadim? Hari ini masyarakat termasuk masyarakat Adat Perpatih tidak lagi memberi keutamaan kepada anak perempuan. Mereka menerima apa sahaja jantina anak yang dikurnia Allah. Ahli masyarakat Adat Perpatih, terutama sekali pasangan yang tidak beranak, masih dan akan terus mengambil anak angkat tetapi akhir-akhir ini, jarang malahan tiada lagi pasangan berkenaan yang mengkadimkan anak angkat mereka.

Wanita generasi baru hari wilayah Adat Perpatih tidak lagi mahu tinggal di kampung atau di rumah pusaka ibu mereka. Kebanyakan daripada mereka telah berhijrah dan bekerja di bandar dan mendapat pasangan di sana. Bukan setakat itu sahaja perubahan wanita generasi baru ini, mereka telah membeli dan menjadikan kawasan taman-taman perumahan di Bandar sebagai kampung halaman mereka. Mereka hanya balik ke kampung asal sekali-sekala sahaja. Ikatan mereka dengan kampung pusaka neneknya telah hampir putus. Sikap dan pendirian mereka terhadap jantina anak telah berubah. Justeru itu, apa perlunya mereka, jika mereka terpaksa mengambil anak angkat, mengkadimkan anak angkatnya. Keperluan untuk mengkadimkan anak tidak wujud lagi hari ini. Jika pun proses ini dilaksanakan ia tidak lagi memberi makna signifikan kepada mana-mana pihak.

Satu perkara yang harus diambil perhatian di sini ialah institusi berkadim anak ini telah diharamkan oleh kerajaan adat luak Rembau sejak awal tahun 1930-an lagi. Ini adalah satu perubahan yang signifikan dalam perkembangan Adat Perpatih.

Pernyataan yang baharu dinyatakan di atas ini menunjukkan bahawa adat dan masyarakatnya sentiasa terbuka dan menerima perubahan seta berkembang mengikut keadaan dan masa serta persekitarannya. Ini juga menunjukkan bahawa Adat Perpatih adalah adat dinamik. Ia hidup, tidak kaku, beku atau mati. Adat Perpatih, hampir semua aspeknya mempunyai daya luntur yang cukup untuk menyesuaikan diri dengan keadaan

masa dan persekitaran. Kedinamikan dan keboleh lunturnya ini dijelaskan dalam perbilangan:

Sekali air bah
Sekali musim berubah
Sekali raja mangkat
Sekali adat beralih
Sekali tahun beredar
Sekali musim bertukar
Adat dipakai, baharu
Kain dipakai usang
Bercupak sepanjang buluh
Usang-usang diperbaharui
Lapuk-lapuk dikajangi
Nan elok dipakai
Nan buruk dibuang
Kok singkat diulas
Kok panjang dikerat
Kok melebihi jangan melampau
Kok mengurang jangan sia-sia

Dalam rangkai pepatah-pepatah dalam perbilangan di atas, jelas bahawa Adat Perpatih tidak kaku dan akan berterusan. Dan, seandainya masyarakat tidak lagi menginginkan sesuatu aspek adat ini, maka adat telah menjanjikan bahawa:

Ibu adat itu muafakat
Usang-usang diperbaharui
Yang lapuk disokong
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang
Alah adat dek muafakat

Dengan itu masyarakat hari ini tidak perlu mengembar-gemburkan Adat Perpatih ini. Adat itu sendiri telah meletakkan pisau dan mentimun dalam tangan kita. Apa yang perlu dilakukan oleh generasi hari ini ialah tepuk dada tanya selera. Justeru itu lakukan dan laksanakan apa yang perlu kepadanya berdasarkan *alur* yang telah ditetapkan.